




**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
KEMENTERIAN KEWANGAN**



KENYATAAN TAWARAN TENDER

1. Pelawaan ini adalah terbuka kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang yang berkenaan bagi menyertai tender berikut:-

No. Tender	Tajuk	Kod Bidang Pendaftaran	Jenis Tender	Taklimat Dan Lawatan Tapak	Tempoh Dan Tempat Penjanaan Nombor Rujukan Petender	Tarikh Dan Masa Tender Ditutup
JANM Bil. 02/2018	Perkhidmatan Pembersihan Blok Pentadbiran Dan Kwarters Di Institut Perakaunan Negara, Sabak Bernam, Selangor Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun	221001 Pembersihan Bangunan Dan Pejabat	Manual	<p>Tarikh : 13 Mac 2018 (Selasa)</p> <p>Masa : 10.00 pagi</p> <p>Tempat: Dewan Seri Buana Institut Perakaunan Negara, Jalan 2, Sungai Lang, 45100 Sabak Bernam, Selangor Darul Ehsan.</p> <p>Kehadiran ke sesi taklimat dan lawatan tapak adalah DIWAJIBKAN. (sila rujuk syarat di perenggan 4)</p>	<p>14 Mac 2018 (Rabu) Hingga 05 April 2018(Khamis)</p> <p>Isnin - Khamis 8.30 pagi - 1.00 petang 2.00 petang - 4.30 petang</p> <p>Jumaat 8.30 pagi - 12.15 tengah hari 2.45 petang - 4.30 petang</p> <p>Tempat : Seperti alamat di perenggan 6 atau secara email : tender.janm@anm.gov.my</p>	<p>Tarikh : 05 April 2018 (Khamis)</p> <p>Masa:12.00 tengah hari</p> <p>Tender yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.</p>

2. Syarikat mestilah **eP enabled** dan hendaklah memastikan tempoh pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia **sentiasa sah (valid)**.
3. Dokumen Tender bagi perolehan ini boleh diperolehi melalui **Notis Iklan** di laman web www.anm.gov.my mulai **07 Mac 2018 (Rabu)**.
4. Syarikat **DIWAJIBKAN** menghadiri sesi **Taklimat dan Lawatan Tapak** yang akan diadakan pada **13 Mac 2018 (Selasa) pukul 10.00 pagi**. Hanya **PENAMA** di Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan **SAHAJA** yang dibenarkan menghadiri sesi **Taklimat dan Lawatan Tapak** tersebut. Syarikat **tidak dibenarkan** untuk mewakili pegawai selain penama di dalam sijil tersebut. Syarikat mesti membawa dan menunjukkan Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan dan Kad Pengenalan semasa menghadiri sesi taklimat bagi tujuan pengesahan kehadiran.
5. Syarikat yang ingin menyertai tender ini hendaklah mendapatkan Nombor ID Cadangan Petender yang dijana oleh Telecentre JANM secara percuma semasa waktu pejabat daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM), di alamat seperti di perenggan 6 atau melalui e-mel kepada JANM di alamat tender.janm@anm.gov.my mulai **14 Mac 2018 (Rabu)** hingga **05 April 2018 (Khamis)** dengan mengemukakan **Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan** dalam bidang seperti di atas yang masih sah.
6. Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap diisi hendaklah diserahkan secara manual dengan memasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender sebelum atau pada **tarikh dan masa** yang telah ditetapkan seperti di jadual di perenggan 1 ke alamat seperti berikut:
- Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia,
Bahagian Pembangunan Perakaunan Dan Pengurusan,
Aras 7, Kompleks Kementerian Kewangan,
No. 1 Persiaran Perdana, Presint 2,
62594 Putrajaya**
7. Syarikat adalah tertakluk kepada syarat dan terma yang ditetapkan. Syarikat yang menyertai tender tetapi didapati tidak mematuhi **semua** syarat dan terma yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Pihak JANM juga tidak terikat untuk menerima tawaran tender yang terendah atau sebarang tender.
8. Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi Jabatan ini di talian **03-8882 1072 / 1498 / 1075**
9. Iklan dan dokumen tender boleh diakses melalui laman web www.anm.gov.my dan myprocurement.treasury.gov.my